



سيارن اخبار  
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

08 Syawal 1441 / 31 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad 08 Syawal 1441 bersamaan 31 Mei 2020, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang**.
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan.
3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 256 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 19,386 ujian.

4. Seterusnya, berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 254,637 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Sehubungan dengan ini, kepada orang ramai yang masih lagi belum mendaftar adalah dinasihatkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi **BruHealth** tersebut.
  
5. Disamping itu juga, sejumlah 4,524 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut. Bagi premis-premis perniagaan seperti pasar-pasar raya, kedai-kedai runcit, restoran, kafe, gerai dan *food court* yang masih lagi belum mendaftar adalah dikehendaki untuk mendapatkan QR code bagi premis masing-masing dan memastikan pengunjung-pengunjung mengimbas dan mempunyai warna kod yang betul sebelum dibenarkan masuk ke dalam premis. Ini di samping menyediakan hand sanitiser serta membuat pemeriksaan suhu badan.
  
6. Seterusnya, sempena sambutan Ulangtahun Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei ke 59 pada hari ini, Kementerian Kesihatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Angkatan Bersenjata DiRaja Brunei khususnya kepada mereka yang terlibat dalam membantu dengan pengawalan situasi wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam seperti dalam pengawalan di sempadan,

penyeliaan logistik, pengawasan di masjid-masjid semasa solat Fardhu Jumaat dan lain-lain.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Marilah kita sama-sama berdoa bagi kesembuhan semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesembuhan sepenuhnya dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 08 Syawal 1441H / 31 Mei 2020